

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]
TARIKH : 16 MAC 2016
SOALAN :

YB Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah graduan doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang berdaftar dengan KKM yang sedang menunggu panggilan untuk penempatan latihan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Februari 2016, seramai 812 calon Pegawai Perubatan Siswazah Gred UD41 yang telah berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) dan telah dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Manakala, penempatan mereka akan dilaksanakan pada April 2016. Masa menunggu dari tarikh pendaftaran MPM sehingga tarikh memulakan perkhidmatan adalah selama dua (2) hingga enam (6) bulan. Seramai 759 orang graduan perubatan akan dipanggil untuk hadir temuduga pada bulan Mac 2016.

Bagi Pegawai Farmasi, untuk tempoh Januari 2015 hingga Februari 2016, seramai 1,580 graduan telah mendaftar dengan Lembaga Farmasi Malaysia (LFM). Pada tahun 2015, seramai 1,018 graduan telah dilantik dan baki graduan akan dilantik selaras dengan perancangan dan keperluan pengambilan pada tahun 2016.

Bagi Pegawai Pergigian pula, untuk tempoh Januari 2015 hingga Februari 2016, seramai 1,079 graduan telah mendaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia. Pada tahun 2015, seramai 504 graduan telah dilantik dan baki graduan akan dilantik selaras dengan perancangan dan keperluan pengambilan pada tahun 2016 .